

**Program sarapan pagi bermula 20 Januari di 100 sekolah  
AstroAwani  
27 Disember 2019**

PUTRAJAYA: Program Sarapan Pagi (PSP) fasa pertama akan mula dilaksanakan pada 20 Jan 2020 di 100 sekolah rendah di seluruh negara, menurut Kementerian Pendidikan (KPM).

Menurut KPM ia melibatkan seramai 37,000 murid dan 1,600 guru yang bertugas setiap hari dengan kos pelaksanaan dianggarkan RM22 juta.

"Waktu pelaksanaan PSP adalah antara pukul 7 hingga 8.30 pagi bagi persekolahan sesi pagi dan 1 hingga 4 petang bagi persekolahan sesi petang mengikut ketetapan pengurusan sekolah," katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Menurut KPM, pelaksanaan PSP fasa pertama akan menggunakan menu berkonsepkan Grab 'n' Go yang terdiri minuman produk tenusu atau minuman berkhasiat dan makanan ringkas seperti roti, biskut, snek bijirin, kuih, sandwich, buah-buahan atau telur rebus.

Pemilihan sekolah bagi fasa pertama dibuat berdasarkan kepada sekolah yang mempunyai peratus murid golongan B40 yang tertinggi dan turut mengambil kira semua jenis sekolah iaitu sekolah kebangsaan, sekolah jenis kebangsaan (SJK) Cina dan SJK Tamil.

KPM berkata pemilihan sekolah juga berdasarkan jumlah bilangan sekolah yang melaksanakan Rancangan Makanan Tambahan (RMT) dalam setiap negeri yang meliputi semua lokasi iaitu bandar, luar bandar dan pedalaman.

"Pelaksanaan ini juga turut mengambil kira pandangan Kementerian Kesihatan (KKM) yang memperuntukkan seorang pegawai sains pemakanan bagi setiap daerah untuk memberi khidmat nasihat kepada sekolah berkaitan menu PSP.

"Bagaimanapun, kebenaran daripada ibu bapa diperlukan bagi mendapatkan persetujuan dan maklumat penting kesihatan murid seperti alahan kepada makanan tertentu supaya menu alternatif dapat disediakan," katanya.

KPM juga merancang supaya program itu diperluaskan kepada semua 7,776 sekolah rendah dan dapat memberi manfaat kepada kira-kira 2.7 juta murid di seluruh negara.

Bagaimanapun, katanya ia bergantung kepada peruntukan yang diterima dan kesianaan pihak kantin dan sekolah.

Menurut KPM, pemantauan secara berterusan akan dilaksanakan dengan kerjasama KKM supaya makanan yang dibekalkan adalah berkualiti bagi mencapai impak yang disasarkan.

"Kajian keberkesanan program akan dilaksanakan dan akan dibentangkan untuk tujuan penambahbaikan program dari semasa ke semasa," katanya.

KPM berkata PSP di sekolah rendah merupakan inisiatif terbaru untuk menyediakan makanan yang berkhasiat mengikut nilai kalori dan amalan pemakanan seimbang bagi memastikan murid mengamalkan pengambilan sarapan, gaya hidup sihat serta merangsang proses tumbesaran mereka.

-- BERNAMA

**© 2019 AstroAwani Network Sdn. Bhd.**

**(535275-D) All Rights Reserved.**

Source: <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/program-sarapan-pagi-bermula-20-januari-di-100-sekolah-226471>